

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB Puan Nurul Izzah binti Anwar [
Lembah Pantai]

SOALAN : ~~488~~ 475

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** apakah tindakan Kementerian untuk memperkukuhkan kawalan sempadan perairan negara di kawasan ESSCOM selepas Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia mengumumkan pemotongan 15 bot keselamatan akibat masalah kewangan.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Kenyataan Panglima Tentera Laut adalah tidak menjejaskan inisiatif-inisiatif yang diambil oleh ESSCOM dalam memperkukuhkan kawalan keselamatan di perairan ESS Zone. Kenyataan Panglima Tentera Laut adalah merupakan kenyataan dasar pengurusan aset Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Bagaimanapun, TLDM tetap komited dalam mengatugerak sejumlah kapal untuk mendukung pengoperasian di ESS Zone selaras dengan konsep operasi yang dipersetujui bersama oleh semua Pasukan Keselamatan di ESS Zone. Pada hemat ESSCOM ini adalah memadai untuk kawalan keselamatan di perairan ESS Zone pada masa kini.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
DARIPADA [LEMBAH PANTAI]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-

- (a) statistik kes buli yang melibatkan pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah dari tahun 2010 hingga 2016; dan
- (b) sebab mengapa kes buli meningkat di sekolah.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Statistik kes buli pada tahun 2010 : 2617 (0.04%), 2011 : 1374 (0.03%), 2012 : 4159 (0.08%), 2013 : 4120 (0.08%), 2014 : 2825 (0.06%) dan 2015 : 2968 (0.06%).
- (b) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius perbuatan buli yang berlaku di sekolah. KPM telah mengambil inisiatif untuk mengedarkan Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah untuk memberi kefahaman serta kesedaran kepada warga sekolah tentang perlakuan buli dan kesannya. Tambahan lagi, melalui buku tersebut membolehkan warga sekolah memahami serta menghayati peranan dan fungsi masing-masing dalam pelaksanaan strategi dan tindakan di peringkat sekolah untuk mengatasi gejala buli. KPM memberi

penegasan kepada setiap sekolah untuk mematuhi garis panduan mencegah dan menangani perbuatan buli di kalangan murid di sekolah melalui:

- i. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8 Tahun 2010 “Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah” bertarikh 29 Julai 2010.
- ii. Surat Siaran KP (BS-SPPK) 601/1 (16) “Ketegasan Menangani Tingkah Laku Ala Samseng Dalam Kalangan Murid” bertarikh 11 Mac 2009.
- iii. Surat Siaran KP (BPSH –SPKD) 601 / 01 Jld.11(16) “Pematuhan Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah” bertarikh 11 November 2011.

KPM juga menyediakan garis panduan menangani buli melalui pembudayaan amalan penyayang dalam kalangan murid di sekolah dan asrama dengan objektifnya agar murid-murid menterjemahkan sikap penyayang dan saling hormat menghormati sebagai budaya dalam perhubungan harian murid di sekolah dan asrama.